

Perkembangan Islam di Negeri China

Mesyuarat Utusan-utusan Kaum Muslimin di Taipei

Pada 22 Jun yang lalu telah diadakan mesyuarat utusan-utusan kaum Muslimin di Taipei, yang dihadiri, disampaikan wakil-wakil dari Republik China, juga oleh utusan-utusan dari Turki, Iran, Pakistan, Persekutuan Tanah Melayu serta pemerhati-pemerhati dari Saudi Arabia, Morocco dan Cameron. Yang mewakili utusan dari Tanah Melayu ialah Tuan Haji Ibrahim T.Y. Ma.

Oleh: A.B. Husni

Maksud mesyuarat itu ialah menyokong keputusan-keputusan

yang telah diambil dalam sidang yang dilangsungkan pada 13

April, 1960 di Taipei, yang dihadiri oleh wakil-wakil

dari Brunei, Persatuan Muslimin Filipina,

Persatuan Islam Internasional Jepun dan Persatuan

Muslimin Cina.

Ada sembilan buah keputusan-keputusan yang telah diambil

dalam sidang itu yang mana semua keputusan-keputusan itu

sangat besar manfaatnya bagi kaum Muslimin seluruh dunia.

Tuan Haji Ibrahim T.Y Ma telah menyerahkan

kepada kami Memorandum 22 Jun serta Memorandum

– Peringatan 13 April, yang telah diperbuat di Taipei itu

dalam bahasa Inggeris dan dengan berbesar hati dan

penuh kegembiraan kami muatkan di bawah ini terjemahannya,

sebagai memenuhi permintaan Tuan Haji Ibrahim T.

Y. Ma itu sebagai kewajiban kami memenuhi syiar

Islam.

Memorandum Peringatan

Utusan-utusan dari Persatuan Muslimin Cina

dari Republik China, wakil-wakil dari Brunei, Filipina

dan Jepun, sambil mengambil kesempatan berkumpul

berkenaan dengan upacara rasmi pembukaan Masjid

Taipei yang baharu pada 13 April, 1960, dengan ini

telah bermesyuarat untuk membicarakan berbagai-bagai bidang,

di dalam mana mereka dapat bertolong-tolongan dan bekerjasama

di dalam hal-hal yang layak, supaya mendapat cara-cara

percaya. Didasarkan atas asas-asas kemuliaan budi

kemanusiaan dan nilai-nilai pergaulan dan telah bersetuju

mengemukakan punca-punca persetujuan yang berikut ini,

setelah diperbincangkan dengan saksama:

1. Adalah faham dari sidang ini untuk

menyelenggarakan perhubungan-perhubungan yang rapat dan lebih ketat antara

orang-orang Muslim dalam lingkungan negara-negara bebas di Asia

Tenggara dan menganjurkan pertukaran fikiran di antara

mereka itu sendiri;

2. Adalah faham dari sidang ini menyelenggarakan rancangan-rancangan mengadakan mesyuarat-mesyuarat di antara kaum Muslimin dalam negara-negara bebas di Asia Tenggara, sebagaimana yang pada mulanya telah dicita-citakan oleh Yang Teramat Mulia Tengku Abdul Rahman Putra Al-Haj dari Persekutuan Tanah Melayu, Yang Mulia Menteri al-Rashid dari Burma, dan dipersetujui oleh Senator Ahmad Domocao Alonto dari Republik Filipina;

3. Adalah faham dari sidang ini mencari jalan dan cara-cara untuk menyediakan ilmu-ilmu pengetahuan yang sempurna berkenaan dengan agama Islam dan adat istiadat orang-orang Muslim di negara Asia Tenggara;

4. Adalah faham dari sidang ini untuk menyatukan dan memberi kesedaran kepada semua Muslimin di negara-negara Asia Tenggara terhadap segala bentuk-bentuk yang mengandungi fahaman tidak mengakui Tuhan dan untuk mencari cara-cara dan jalan membanteras hal-hal itu;

5. Adalah faham dari sidang ini untuk menyelidiki segala jalan-jalan yang mungkin, di mana orang-orang Muslim yang telah jatuh ke dalam tangan Komunis, supaya mereka itu dapat melaksanakan kebebasan beragama dan keimanannya;

6. Adalah faham dari sidang ini untuk memasukan negara-negara kawasan-kawasan dan masyarakat-masyarakat Muslim di Asia Tenggara, Asia dan dunia Islam seluruhnya dan mengakui mereka sebagai termasuk dalam masyarakat ini;

7. Adalah faham dari sidang ini untuk mencari jalan-jalan dan cara-cara untuk menubuhkan badan-badan yang baik hasilnya di antara kumpulan-kumpulan orang Islam yang terbentuk dan sehingga dewasa ini tidak diketahui di dalam

negara-negara bebas di Asia Tenggara.

8. Adalah faham dari sidang ini untuk menyelenggarakan tali-tali kebudayaan di antara orang-orang Islam di Asia Tenggara dengan jalan menganjurkan pertukaran perpustakaan, buku-buku dan penerbitan-penerbitan di antara mereka itu sendiri;

9. Adalah faham dari sidang ini untuk menciptakan sebuah markas yang tetap.

Demikianlah temaktub di Taipei, Taiwan, Republik China, pada 15 haribulan April 1960, dan ditanda-

Bacalah!

Sudah terbit!

Buku-buku Syuhada

Disusun oleh:

Edrus

1. Ḥamzah bin ‘Abd al-Muṭalib	50 sen
2. Nusaybah – pahlawan wanita Islam	50 “
3. ‘Ikrimah bin Abū Jahl	50 “
4. Sa‘ad bin Rabī‘	50 “
5. Sa‘ad bin Mu‘ādh	50 “
6. Na‘amān bin Maqran	50 “
7. Ja‘far bin Abī Ṭālib	50 “
8. Anak ‘Abd Allāh bin Ubay	50 “
9. Anak Angkat Rasullullah	50 “
10. Abū Khudhayfah bin ‘Utbah	50 “

Lain-lain Buku Tarikh

Sejarah Ringkas Muḥammad (S.A.W.) (oleh Edrus)	\$1.20
Bilāl – (oleh Abdullah Basmeh)	\$1.20
Muḥammad (S.A.W.) (oleh Abdullah Basmeh) empat penggal,	
sepenggal	\$1.20
